

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasrah [Lenggong]

TARIKH : 23 Mei 2016 (Isnin)

SOALAN : Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasrah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan** apakah langkah proaktif yang telah diambil bagi mengurangkan kebergantungan import makanan daripada negara luar, dan cukupkah bekalan makanan, ekoran keadaan cuaca negara ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menangani isu import bahan serta produk-produk makanan, Kementerian melaksanakan strategi dengan meningkatkan pengeluaran dan membangunkan penggantian import dan industri yang menggunakan input barangan import yang rendah.

Di bawah strategi ini Kementerian telah dan akan melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

- a. Meningkatkan pengeluaran makanan melalui:
 - i) Pelaksanaan Projek Berimpak Besar seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* (EPP) di bawah NKEA Pertanian; dan

- ii) Pembangunan empat (4) kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru. Dengan pembangunan kawasan-kawasan ini, pengeluaran padi negara akan dapat ditingkatkan, kadar import dapat dikurangkan dan tahap sara diri (SSL) dapat ditingkatkan.
- b. Melaksanakan langkah penggantian import melalui:
- i) Menghasilkan tanaman alternatif tempatan sebagai contoh jagung bijirin untuk makanan haiwan di mana pelaburan dan dasar akan digerakkan bagi meningkatkan pengeluaran produk domestik untuk menghasilkan produk tersebut.
 - ii) Pembangunan tanah terbiar yang ketika ini dianggarkan berjumlah 120,000 hektar untuk aktiviti pertanian gantian import; dan
 - iii) Membangun dan menyokong industri *niche* yang menggunakan kandungan import yang minimal seperti sayuran dan ayam organik.
- c. Lain-lain tindakan mengurangkan kebergantungan import seperti:
- i) Melaksanakan pemutuan sebenar padi bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti padi dan beras yang dihasilkan;
 - ii) Penggunaan teknologi dan mekanisasi bagi mengurangkan kehilangan lepas tuai produk-produk pertanian seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran. Langkah ini didapati mampu mengurangkan kehilangan lepas tuai daripada lebih 30% kepada kurang daripada 15% hasil ladang; dan
 - iii) Kebarangkalian untuk mewujudkan kontrak jangka masa panjang bagi input pertanian yang diimport (i.e.: jagung bijirin untuk makanan haiwan) untuk menjamin bekalan dan menstabilkan harga.

Kementerian mengambil maklum bahawa sesetengah produk tidak akan dapat digantikan dan import akan tetap diteruskan. Namun demikian, kebergantungan import daripada negara tradisional dan sumber yang mahal akan dikurangkan. Kementerian juga akan mempelbagaikan sumber import daripada negara-negara baru yang boleh membekalkan barang tersebut dengan harga yang lebih murah.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, komoditi makanan negara seperti padi, sayur-sayuran, ikan, daging ayam, daging lembu dan lain-lain adalah mencukupi walaupun pengeluaran komoditi-komoditi ini adalah sedikit terjejas diakibatkan oleh fenomena El-Nino. Sekiranya fenomena ini berterusan, kekurangan pengeluaran seperti beras akan ditampung melalui import manakala untuk sektor perikanan akan ditampung oleh akuakultur.